

# 02

EDISI KEDUA



# GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

[www.kedah.uitm.edu.my](http://www.kedah.uitm.edu.my) JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



Kunjungan oleh  
Pro-Canselor UiTM  
YBHG. Tan Sri  
Dato' Seri Utama  
(DR) Arshad Ayub  
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018  
Art Meet Science  
Pensyarah FSSR pameran  
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK  
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok  
*Berwajah Baru*  
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

## SIDANG REDAKSI

Penasihat  
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor  
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor  
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik  
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit  
Galeri Seni Merbok

Jurugambar  
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

### PENULIS

Shuhaila Md Shahid  
Dr Faryna Mohd Khalis  
En Zaidi Yusoff  
Dr Nurul Ayn Sayuti  
En Abdullah Kula  
Dr Shafila Subri

Cetakan  
Perpustakaan Sultan Badlishah



## IDEC JAYAKAN PSI SCIFEST 2018

oleh: En Zaidi Yusoff

Industrial Designer's Club (IDEC) sekali lagi dijemput oleh Pusat Sains Negara Wilayah Utara untuk bersama-sama menjayakan PSI SciFest 2018 dgn bertemakan Jom Main Mainan pada 29 September 2018. Idec diberi slot yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu Bengkel Kreativiti bersama pelajar-pelajar sekolah di sekitar Alor Setar. Kali ini sekolah yang dijemput adalah Maktab Mahmud Pokok Sena dan Sekolah Tunku Malik.

Bengkel kreativiti ini bagi memberi pendedahan kepada pelhar sekolah untuk berfikir secara lebih kreatif melalui penghasilan projek menggunakan bahan terbuang disamping mengaplikasikan ilmu sains yg dipelajari disekolah dalam konteks kreativiti. Turut diadakan bengkel Pandai Batik dan slot jualan produk IDEC yg turut mendapat sambutan pengunjung SciFest 2018. Bengkel ini bermula seawal jam 9:00pagi dan berakhir jam 5ptg. projek ini telah dijalankan oleh 30 org AJK IDEC dibawah seliaan Penasihat kelab iaitu En. Zaidi Yusoff, En. Abu hanifa Ab hamid dan turut disertai oleh Kk IDE en.azmir mamat nawi.